



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2) 1971

DR.63/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

[1hb Julai, 1971.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2), 1971.

Tajok
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Peruntukan sekshen 3 hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1971.

2. Sekshen 24 (2) Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 (kemudian daripada ini di-sebut "Ordinan itu") ada-lah dengan ini di-pinda dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan (a), (b) dan (c) baharu yang berikut—

Pindaan
bagi
sekshen 24.
61/58.

"(a) for the payment of any amount in the case of coins of the denomination exceeding one dollar;

(b) for the payment of an amount not exceeding ten dollars in the case of coins of the denomination of fifty cents and one dollar; and

(c) for the payment of an amount not exceeding two dollars in the case of coins of the denomination of less than fifty cents."

3. Sekshen 30 (1) Ordinan itu ada-lah di-pinda dengan memasukkan perenggan (oo) (iv) dan (oo) (v) baharu yang berikut sa-lepas sahaja perenggan (oo) (iii)—

Pindaan
bagi
sekshen 30.

"(oo) (iv) draw from time to time on the buffer stock financing facility of the International Monetary Fund and make available to the Government funds

arising from such drawing required for contribution to any buffer stock created under any international commodity agreement to which Malaysia is a signatory; and in the case where such drawing is not available or insufficient to meet the requirement, make available to the Government funds from the Bank's own resources;

- (oo) (v) create and issue to the International Monetary Fund in such form as is appropriate any such non-negotiable notes or obligations as may be acceptable to the International Monetary Fund in respect of any transactions with the International Monetary Fund;”.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

2. Fasal 2 bertujuan untuk meminda sekshen 24 (2) Ordinan itu bagi membuat peruntukan supaya duit sah di-perlukan—

- (a) hingga sa-berapa jumlah-nya mengikut nilai muka-nya ia-itu bagi duit dari jenis berharga lebih daripada satu ringgit;
- (b) hingga sa-jumlah tidak lebih daripada \$10 ia-itu bagi duit dari jenis berharga lima puluh sen dan satu ringgit; dan
- (c) hingga sa-jumlah tidak lebih daripada \$2 ia-itu bagi duit dari jenis berharga kurang daripada 50 sen.

3. Fasal 3 ia-lah untuk membenarkan Bank Negara mengambil wang dari kemudahan pembiayaan stok penimbal Kumpulanwang Antarabangsa dan mengadakan wang yang di-ambil itu bagi Kerajaan untuk maksud memberi sumbangan kepada sa-suatu stok penimbal yang di-wujudkan di-bawah sa-suatu perjanjian barangan antarabangsa yang di-tandatangani oleh Malaysia sa-bagai satu pihak. Jika Bank Negara tidak dapat mengambil wang tersebut atau wang yang di-ambil itu tidak cukup bagi maksud di-atas, Bank Negara ada-lah di-benar mengadakan wang itu dari sumber²-nya sendiri. Fasal 3 juga membenarkan Bank Negara mewujudkan dan mengeluarkan kepada Kumpulanwang Antarabangsa dalam bentuk yang sesuai apa² surat tak boleh niaga atau apa² tanggungan sa-bagaimana di-kehendaki oleh Kumpulanwang Antarabangsa berkenaan dengan urusan² Malaysia dengan Kumpulanwang itu. Oleh kerana Perjanjian Bijeh Antarabangsa yang Ke-empat akan mula berkuatkuasa pada 1 Julai, 1971 dan sumbangan yang mula² kepada stok penimbal di-bawah Perjanjian kena di-bayar dalam awal bulan Julai, maka Fasal 3 kena-lah di-kuatkuasakan pada 1hb Julai, 1971.

[P.N. (U²) 201.]